

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**RUJUKAN : 9119**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik penyalahgunaan dadah di Dungun antara Januari 2014 - Disember 2015 dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.**

## **JAWAPAN**

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2014 sehingga Disember 2015 bagi negeri Terengganu adalah seramai 1,601 orang. Untuk Daerah Dungun, jumlah penagih dadah yang dikesan dalam tempoh yang sama adalah seramai 447 orang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui AADK Daerah Dungun melaksanakan program pencegahan yang melibatkan keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. AADK turut memberi fokus kepada kawasan berisiko tinggi seperti di kawasan FELDA, kawasan nelayan, kawasan pelancongan serta golongan remaja dan belia berisiko. Pendekatan program berfokus ini adalah merupakan inisiatif kerajaan di bawah program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) melalui program *My Beautiful Malaysia* (MyBM).

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama penduduk setempat, para sukarelawan, Badan Bukan Kerajaan dan agensi-agensi kerajaan untuk memusnahkan "*port-port*" penagihan dadah dan membersihkan atau mengindahkan kawasan tumpuan awam bagi menghindari penduduk daripada ancaman keselamatan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 134 program telah dijalankan manakala sehingga Mac 2016, sebanyak 266 program telah dijalankan.

Selain tindakan yang berfokus tersebut, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan AADK mengambil tindakan seperti berikut:-

- a) Mengadakan operasi bersepadu bersama dengan agensi penguatkuasaan lain sekurang-kurangnya 2 kali sebulan bagi mengesan penagih dadah secara lebih agresif dan lebih berfokus terutamanya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan *hot spot* penagihan dadah.

- b) Mempertingkatkan kerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan dalam berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepadu.**
- c) Menjalankan risikan terperinci untuk mengesan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas sindiket dan pengedar yang terlibat.**
- d) Memperluaskan kemudahan untuk orang awam membuat aduan berkaitan permasalahan dadah terutamanya di kawasan-kawasan berisiko tinggi dengan membuka kaunter aduan bergerak di kawasan tersebut.**
- e) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas sindiket dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah.**
- f) Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.**